

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
LENGGA TABUNG RAI BESUT
TERENGGANO DARUL IMAN

DISEDIAKAN OLEH :


ROHAIDA BINTI HASAM
SARJANA MUDA SAINS
(POLISI AWAM DAN SEKITARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)
2002

1100033017

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (USM)

LI 34 FPE 1 2002




1100033017

Laporan akhir latihan industri di Lembaga Tabung Haji Besut Terengganu / Rohaida Hasam.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
LEMBAGA TABUNG HAJI DAERAH BESUT,
TERENGGANU DARUL IMAN**

OLEH

**ROHAIDA BINTI HASAM
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam dan Sekitaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2002

1100033017

BUKU LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

OLEH

ROHAIDA BINTI HASAM

SARJANA MUDA SAINS – POLISI AWAM DAN SEKITARAN

801002-11-5208

**Buku laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Pengajian Am sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan pengijazahan**

Polisi Awam dan Sekitaran (PLAS)

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

(KUSTEM)



Pilihan Utamaku

LEMBAGA TABUNG HAJI
DAERAH BESUT
TERENGGANU DARUL IMAN

EMPEL AJARAN DIGITAL SC/TABUNG HAJI NUR ZAHIRAH



Ruj. Kami: BST.T429/300/3 K6 (02)

Kepada Semua Pihak Yang Berkenaan

Tarikh: 18-Julai-2002

Tuan/Puan

SURAT AKUAN / TESTIMONIAL

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa **Rohaida binti Hasam**, no. k/p: **801002-11-5208** telah menjalani latihan praktikal di pejabat ini.
3. Beliau adalah seorang pelatih yang berdedikasi dan berhemah. Sepanjang beliau menjalani latihan praktikal di pejabat ini, saya berpuas hati dengan prestasi dan komitmen yang telah ditunjukkan. Beliau mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan menjalani tugas di kaunter **TH** dengan baik.
4. Saya merasakan beliau berpotensi dalam bidang kerja Pengurusan yang akan diceburi kelak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

TH - Pilihan Utamaku

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

Haji Alias
(HAJI ALIAS BIN YASIN)

Pengurus,
Lembaga Tabung Haji Daerah Besut,
Terengganu.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTAH NUR ZAINAH

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
SENARAI RAJAH	iv
ABSTRAK	v
PENGENALAN	vi
OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI	viii

BAB 1 LATAR BELAKANG LEMBAGA TABUNG HAJI (*LTH*) DAERAH BESUT

1.1 PENGENALAN	1
1.2 SEJARAH PENUBUHAN DAN PEMBENTUKAN LEMBAGA TABUNG HAJI	3
1.3 JEMAAH LEMBAGA PENGARAH	6
1.4 PERKEMBANGAN <i>TH</i> DAERAH BESUT	8
1.5 OBJEKTIF PENUBUHAN	11
1.6 MATLAMAT <i>TH</i> DAERAH BESUT	12
1.7 AKTIVITI ORGANISASI	13
1.8 KEMAHIRAN YANG TELAH DIPELAJARI	14
1.9 MISI KORPORAT <i>LTH</i>	19
1.10 PRODUK DAN SERVIS <i>LTH</i>	20
1.11 KELEBIHAN DAN FAEDAH MENYIMPAN DI <i>TH</i>	23
1.12 KEKUATAN <i>LTH</i> BESUT	24
1.13 LOGO <i>TH</i>	28
1.14 STRUKTUR ORGANISASI <i>TH</i> BESUT	31
1.15 KESIMPULAN	42

**BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN
CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1	PENGENALAN	44
2.2	MENGESAN SISTEM SEDIA ADA	44
2.3	MENGENALPASTI MASALAH	48
2.4	CADANGAN PENYELESAIAN	52
2.5	KESIMPULAN	55

BAB 3	PENUTUP	57
--------------	----------------	-----------

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENGHARGAAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا و الدين والصلة
والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين و على الله و أصحابه أجمعين

Segala puji dan syukur kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta^cala, selawat
serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad serta seluruh Sahabat
Baginda dan para Tabi^cin.

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. diatas kudrat dan keizinanNya
yang telah diberikan, dengan itu saya dapat menjalani Latihan Industri serta
menyiapkan dan menyediakan laporan Latihan Industri, walaupun terdapat
serba kekurangan dan kelemahan.

Dalam kesempatan ini, setinggi ucapan penghargaan dan jutaan
terima kasih kepada semua pihak Pengurusan Kolej Universiti Sains dan
Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana telah memberi peluang kepada saya

untuk menjalani latihan industri selama 12 minggu untuk merasai suasana alam pekerjaan yang sebenarnya. Selain itu juga saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Pejabat Tabung Haji Daerah Besut terutamanya kepada Pengurus Cawangan **TH** Besut yang merangkap Penyelia Industri iaitu Tuan Hj. Alias bin Yasin kerana sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di Lembaga Tabung Haji Besut selama 12 minggu.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan setinggi perhargaan kepada Penyelia Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia iaitu Dr. Fadzli bin Adam kerana telah membimbing dan memberi tunjuk ajar serta cadangan sepanjang Latihan Industri ini dijalankan. Ucapan terima kasih berserta iringan doa diatas segala bimbingan yang dicurahkan.

Terima kasih juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Jabatan Pengurusan dan Ekonomi khususnya, terutamanya para pensyarah yang terlibat dalam Latihan Industri serta semua kakitangan yang terlibat.

Disini juga , saya ingin rakamkan ucapan terima kasih buat bonda tersayang, Hajah Meriam bt. Awang serta ayahanda Haji Hasam Bin Salleh. Segala budi serta pengorbanannya tidak akan dilupakan sehinggalah saya berjaya menjak kaki ke menara gading. Tidak dilupakan juga untuk semua ahli keluarga yang disayangi yang sentiasa memberi dorongan untuk

berjaya. Semoga kalian semua berada di bawah lindungan Allah selalu dan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Selain itu juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Kakitangan Pejabat Tabung Haji Daerah Besut terutamanya kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan Pemasaran iaitu Hj. Mohd Zin bin Latif, Bahagian Kewangan iaitu Hj. Zulkefli bin Said, Hj. Nordin bin Jusoh, Cik Rohaya bt. Daud, Puan Wan Siti Saharah bt. Wan Zainal Abidin dan Bahagian Urusan Haji dan Umrah iaitu Haji Mohd Nafiza bin Ali. Mereka banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing dalam melakukan kerja.

Tidak dilupakan juga buat sahabat-sahabat seperjuangan, semoga kalian berjaya terhadap apa yang dicita-citakan selama ini.

Akhir sekali, saya memohon keampunan kehadrat Rabbul Jalil diatas segala kesalahan sepanjang penulisan Latihan Industri. Semoga latihan Industri ini dapat memberikan suntikan semangat dan juga memberi pengalaman baru kepada saya bagi menempuh alam pekerjaan pada masa akan datang.

وَالسَّلَامُ

SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

1.13 Logo Tabung Haji	28
1.14 Carta Organisasi Tabung Haji Daerah Besut	31

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ABSTRAK

Beberapa bulan yang lepas, isu pengurusan **Lembaga Tabung Haji (LTH)** menjadi topik perbincangan yang sensasi. Satu demi satu kelemahan pengurusan organisasi tersebut dibangkitkan. Namun, **Tabung Haji (TH)** mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Meskipun pelbagai isu yang timbul, pendeposit tetap teguh dibelakang lembaga itu. Buat masa sekarang, keyakinan masyarakat terhadap **TH** masih mantap. Mereka tidak akan melakukan sesuatu yang melemahkan **TH**. Begitu juga **TH** tidak akan melakukan sesuatu yang menjadikan kepercayaan dan keyakinan terhadap pendeposit. **TH** sudah banyak berjasa kepada seluruh masyarakat, khususnya kepada umat Islam. Hal ini kerana **TH** bukan sahaja menyediakan perkhidmatan untuk menguruskan perjalanan, keselamatan, kebajikan ketika berada di Tanah Suci Mekah, malah turut menganjurkan kursus kepada bakal haji serta menyediakan perkhidmatan penyimpanan dan pengeluaran wang. Di organisasi ini, pelatih telah didedahkan dengan persekitaran kerja dan belajar bagaimana untuk melaksanakan sesuatu kerja. Ketika dalam menjalani latihan praktikum ini, status pelatih adalah sama seperti seorang pekerja dan mesti mengikuti arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak majikan. Sepanjang menjalankan latihan industri ini juga, pelatih telah diberi kepercayaan untuk menjalankan kerja di semua bahagian di **TH** Besut. Semoga kemahiran yang diperolehi daripada **TH** Besut dapat dimanfaatkan oleh pelatih apabila menceburi bidang pekerjaan kelak.